

PENGUNAAN WARNA PADA HURUF-HURUF MAD ASLI DALAM SURAH-SURAH BACAAN AL-QURAN TAHUN LIMA

Oleh

Ag Ruzaini Ag Ali Omar
tammali_maak87@yahoo.com

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk membina satu pendekatan inovatif dalam membantu murid menguasai hukum Mad Asli dengan mudah. Elemen warna dilihat berupaya merangsang lima orang peserta kajian ini. Peserta kajian telah diberikan satu kad ayat surah-surah bacaan Al-Quran, iaitu surah ad-Dhuha, al-Insyirah dan al-Lail. Setiap huruf yang mengandungi hukum Mad Asli akan diwarnakan dengan warna merah. Kajian ini dibina berdasarkan hasil positif pengkaji-pengkaji lepas di samping teori kognitivisme, pengamatan, visual dan teori pembelajaran Gagne. Instrumen temu bual, lembaran kerja, ujian lisan pra dan pasca, penulisan jurnal mingguan, soal selidik dan pemerhatian digunakan untuk mengumpul data kajian. Hasil dapatan dianalisis kemudiannya menggunakan triangulasi kaedah dan sumber. Penguasaan para peserta dalam kajian ini telah menunjukkan peningkatan sebanyak 50% dalam aspek bacaan mahupun mengenal pasti hukum berkenaan dalam ayat selain menambah baik amalan pengajaran saya. Kajian ini akan dilanjutkan pada sesi akan datang dengan menggunakan hukum-hukum tajwid lain seperti hukum asas lima bagi mencapai hasil lebih optimum.

Kata Kunci : pendekatan inovatif, murid Tahun Lima, hukum Mad Asli, elemen warna, surah-surah bacaan Al-Quran

ABSTRACT

The purpose of this research is to create an innovative approach in helping pupils mastering the hukum Mad Asli (Natural Madd Rule) easily. The colour element used is able to arouse interest of the five participants for this research. The participants were given a card containing verses from the Al-Quran which are surah ad-Dhuha, al-Insyirah and al-Lail. All letters with hukum Mad Asli were coloured in red. This research is based on positive findings from previous researchers, cognitivist theory, observations and Gagne learning theory. Instruments such as Interviews, worksheets, oral pre and post-test, writing of weekly journal, questionnaire and observation were used to collect data. Findings for this research analysed then checked with method and resource triangulation. The participant's mastery in this research had shown 50% increasing in both terms of reading and identifying the Natural Madd Rule exists in the verse besides improves my teaching practise. This research will be further by applying this method in other tajweed rules such as the basic five rules to achieve an optimum finding.

Key Words : inovative approach, year 5 pupils, hukum Mad Asli (Natural Madd Rule), colour element, surahs in Al-Quran

PENGENALAN

Konteks

Saya merupakan guru pelatih Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP)ambilan Januari 2009. Semasa menjalani praktikum fasa ketiga yang lepas, saya telah ditempatkan di Sekolah Kebangsaan (SK) Gunung Sepapan (nama samaran) iaitu 9.5 kilometer dari Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang (IPGKBL). Tempoh praktikum kali ini adalah selama tiga bulan bermula dari 30 Januari 2012 sehingga 27 April 2012.

Saya telah diamanahkan untuk mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam dan Al-Quran kelas Tahun 5 Cempaka. Terdapat 15 orang murid lelaki dan tiga orang murid perempuan di dalam kelas ini. Dari segi pembahagian masa, saya mengajar dua waktu untuk pengajaran Al-Quran, dua waktu (Ulum Syariah) dan satu waktu khusus untuk pengajaran Jawi. Bagi enam bulan pertama sesi pembelajaran kali ini, antara fokus pengisian pengajaran saya ialah Program Khatam Al-Quran Enam Bulan Pertama. Berdasarkan Bahagian Pendidikan Islam (2005), antara objektif pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang perlu dicapai melalui program ini ialah murid dapat menguasai kaedah Iqra' dan murid dapat membaca Al-Quran dengan lancar dan bertajwid. Berdasarkan objektif tersebut, saya dapat membuat perkaitan dengan masalah murid Tahun 5 Cempaka semasa sesi pengajaran Al-Quran iaitu murid gagal membaca Al-Quran dengan bertajwid, khususnya hukum asas Mad Asli. Di samping itu, murid-murid tidak dapat mengenal pasti contoh-contoh hukum ini di dalam surah-surah bacaan Al-Quran.

Rentetan daripada masalah yang dihadapi ini, saya telah melaksanakan kajian berkaitan amalan pengajaran yang berkesan dalam memastikan kelemahan murid dalam bacaan Al-Quran secara bertajwid di samping memupuk minat mendalam kepada ilmu Al-Quran. Kajian memberikan fokus kepada penggunaan warna pada huruf-huruf Mad Asli dalam surah-surah bacaan Al-Quran Tahun 5. Kajian ini dijalankan sepenuhnya pada sesi *Internship*, 25 Jun sehingga 20 Julai 2012.

Refleksi Pengalaman Pengajaran dan Pembelajaran

Pada minggu pertama praktikum (30 Januari 2012 - 3 Februari 2012), guru pembimbing telah memaklumkan bahawa saya akan mengajar kelas 5 Cempaka. Kelas ini mempunyai 18 orang murid (15 murid lelaki dan tiga murid perempuan). Sebelum masuk ke kelas untuk sesi P&P pertama, saya telah berbincang bersama guru subjek Pendidikan Islam kelas tersebut untuk mengetahui asas pencapaian murid-murid ini dalam bidang Al-Quran. Setelah melakukan perbincangan bersama, didapati murid-murid tahun 5 Cempaka ini mempunyai aras pembelajaran yang amat lemah. Hanya dua orang yang menunjukkan prestasi yang baik berdasarkan kepada markah ujian penggal dan latihan-latihan lepas yang telah diberikan. Di samping itu, murid-murid kelas ini juga kurang menguasai bacaan tulisan Jawi dan memerlukan bimbingan daripada guru. Berdasarkan perbincangan tersebut, saya telah menjalankan sesi P&P pertama (14 Februari 2012), bagi ayat bacaan Al-Quran, surah as-Syuara, ayat 101-112 di bilik amali solat.

Dalam sesi P&P pertama ini, terdapat beberapa kelemahan yang berlaku antaranya masa P&P telah dibazirkan selama 10 minit bagi pergerakan murid ke bilik amali solat dan mengambil wudhuk. Walau bagaimanapun sesi pembelajaran dapat diteruskan seperti biasa dan mengikut perancangan. Saya dapati murid-murid

bersemangat untuk membaca Al-Quran pada awal proses pembelajaran sehingga ke akhir sesi pengajaran. Namun demikian, beberapa orang murid tidak memberikan perhatian pada potongan ayat yang diperdengarkan oleh guru. Mereka sekadar mengulang semula bacaan guru tanpa mengambil berat sebutan huruf dan mengabaikan hukum tajwid seperti Mad Asli serta tidak mempedulikan di mana kedudukan ayat yang dibaca. Namun perkara ini dapat diatasi dengan pemantauan guru dalam menyemak bacaan murid secara individu. Namun, murid tetap mengabaikan bacaan bertajwid Mad Asli semasa sesi P&P. Masalah ini berlanjutan sehingga P&P minggu keempat. Saya juga mencatatkan refleksi berhubung dengan P&P yang dilaksanakan pada hari tersebut. Berdasarkan kepada permasalahan ini, saya memilih untuk menjalankan satu kaedah baru yang lebih berkesan untuk membantu murid mengurangkan masalah bacaan bertajwid Mad Asli, iaitu "Penggunaan Warna Pada Huruf-Huruf Mad Asli Dalam Pengajaran Surah-Surah Bacaan Al-Quran Tahun Lima."

Isu Keprihatinan

Kajian ini berfokus terhadap usaha meningkatkan bacaan murid-murid tahun 5 Cempaka dalam hukum tajwid Mad Asli dengan menggunakan kad imbasan Al-Quran berwarna. Huruf-huruf Mad Asli dalam surah-surah ini akan diwarnakan dengan warna merah bagi memudahkan murid mengingati serta mengaplikasi bacaan secara bertajwid. Pemilihan fokus ini dibuat berdasarkan kepada hasil tinjauan awal yang diperolehi lembaran kerja yang telah diberikan.

Berdasarkan hasil tinjauan awal, masalah murid-murid tahun 5 Cempaka ini adalah tidak dapat mengenal pasti apakah huruf-huruf Mad Asli dan kadar panjang bacaannya. Mereka juga gagal mengenal pasti hukum ini dalam surah-surah bacaan. Pemerhatian saya dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (P&P) pertama bertarikh 14 Februari jelas menunjukkan murid belum menguasai hukum bacaan dua harakat Mad Asli ini dengan baik. Masalah ini dapat dilihat melalui bacaan mereka secara kelas dan individu.

Lembaran kerjajuga telah diberikan pada 27 Februari 2012 terhadap murid-murid kelas ini. Saya telah menyediakan lembaran kerja bagi mengenal pasti huruf-huruf Mad Asli dalam ayat bacaan surah ad-Dhuha (ayat 1-11). Murid-murid diberikan masa selama 15 minit untuk menyelesaikan latihan. Jadual 1 menunjukkan markah terendah lima orang murid yang dijadikan sebagai peserta kajian.

Jadual 1.

Markah terendah lima orang murid dalam lembaran kerja 27 Februari 2012

Peserta Kajian	Bilangan betul (x/18)	Markah Data Awal (x/18) X 100%
A	5	28%
B	3	17%
C	8	44%
D	7	39%
E	3	17%

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan berpandukan kepada objektif-objektif berikut :

- a) Mengenal pasti tahap keberkesanan amalan pengajaran pengkaji melalui penggunaan warna pada huruf-huruf Mad Asli di dalam bidang Asuhan Tilawah Al-Quran.
- b) Mengenal pasti tahap bacaan murid terhadap hukum tajwid Mad Asli melalui penggunaan warna pada huruf-huruf mad.
- c) Mengenal pasti tahap kebolehan murid mengenal pasti hukum Mad Asli dalam bacaan Al-Quran melalui penggunaan warna.

Soalan Kajian

Kajian yang dijalankan ini akan menjawab persoalan-persoalan berikut :

- a) Adakah penggunaan warna pada huruf-huruf Mad dalam sesi P&P bidang AsuhanTilawah Al-Quran berkesan dalam mengubah amalan pengajaran pengkaji?
- b) Adakah penggunaan warna pada huruf-huruf Mad dapat membantu murid membaca kalimah yang mengandungi hukum Mad Asli dengan bacaan yang tepat?
- a) Sejauh manakah penggunaan warna pada huruf-huruf Mad dapat membantu murid mengenal pasti hukum Mad Asli dalam pembelajaran bacaan Al-Quran?

PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN TINDAKAN

Perancangan Tindakan


Pembelajaran Al-Quran dan hukum Mad Asli sepatutnya menjadi satu pendedahan ilmu yang cukup menyeronokkan kepada murid. Idea untuk menggunakan kaedah warna pada huruf-huruf Mad Asli ini adalah lanjutan kejayaan kajian yang dilakukan oleh Hajjiah Hassan (2008), Juliza Rosli (2010) dan Zulina dan Ramlah (2012). Mereka melaporkan bahawa penggunaan warna dalam pembelajaran murid dapat meningkatkan kefahaman konsep dan isi pelajaran. Menurut Baharuddin (2002) dalam Nornajidah (2007) menyatakan bahawa warna adalah lebih berkuasa untuk menonjolkan sesuatu maklumat berbanding bentuk. Muhamad Hasan (2010) juga menyatakan, berdasarkan piramid kadar perolehan pengetahuan menunjukkan penglihatan mencatatkan peratusan terbesar iaitu 83% berbanding deria rasa, sentuh, hidu dan pendengaran. Berdasarkan kepada pengalaman kajian saya, kaedah warna sememangnya mampu meningkatkan kefahaman dan penguasaan murid terhadap bacaan hukum Mad Asli.

Berdasarkan sesi P&P pertama (14 Februari 2012), masalah murid-murid tahun 5 Cempaka ini adalah tidak dapat mengenal pasti apakah huruf-huruf Mad Asli dan kadar panjang bacaannya. Mereka juga gagal mengenal pasti hukum ini dalam surah-surah bacaan. Pemerhatian saya dalam sesi P&P pertama bertarikh 14 Februari jelas menunjukkan murid belum menguasai hukum bacaan dua harakat Mad Asli ini dengan baik. Masalah ini dapat dilihat melalui bacaan mereka secara kelas dan individu.

Di samping itu, saya dapati murid-murid bersemangat untuk membaca Al-Quran pada awal proses pembelajaran sehingga ke akhir sesi pengajaran. Namun demikian, beberapa orang murid tidak memberikan perhatian pada potongan ayat yang diperdengarkan oleh guru. Mereka sekadar mengulang semula bacaan guru tanpa mengambil berat sebutan huruf dan mengabaikan hukum tajwid seperti Mad

Asli serta tidak mepedulikan di mana kedudukan ayat yang dibaca. Namun perkara ini dapat diatasi dengan pemantauan guru dalam menyemak bacaan murid secara individu. Namun, murid tetap mengabaikan bacaan bertajwid Mad Asli semasa sesi P&P. Masalah ini berlanjutan sehingga P&P minggu keempat. Saya juga mencatatkan refleksi berhubung dengan P&P yang dilaksanakan pada hari tersebut. Berdasarkan kepada permasalahan ini, saya memilih untuk menjalankan satu kaedah baru yang lebih berkesan untuk membantu murid mengurangkan masalah bacaan bertajwid Mad Asli, iaitu "Penggunaan Warna Pada Huruf-Huruf Mad Asli Dalam Pengajaran Surah-Surah Bacaan Al-Quran Tahun Lima."

Kaedah ini sebenarnya menggabungkan aspek pengaruh warna dalam P&P, Teori Kognitivisme dalam proses P&P dan penggunaan media, Teori Visual, Teori Pengamatan dan Teori Pembelajaran Gagne. Berdasarkan kepada kajian teori ini, saya telah mencipta satu kajian berkenaan penggunaan warna pada huruf-huruf Mad Asli.



Rajah 1. Contoh kad imbasan yang berwarna pada setiap huruf-huruf Mad Asli

Pelaksanaan Tindakan

Kajian ini menggunakan satu kad imbasan berwarna sebagai alat pembelajaran. Kad ini disediakan untuk membantu pembelajaran bacaan Al-Quran khusus untuk murid-murid tahun 5. Surah-surah yang digunakan ialah surah ad-Dhuha, al-Insyirah dan al-Lail berdasarkan sukatan pelajaran. Setiap huruf-huruf Mad Asli dalam surah tersebut akan diwarnakan dengan warna merah. Pemilihan warna merah adalah disebabkan sifatnya yang jelas, tampak dan boleh menarik perhatian.

Penggunaan warna hanya difokuskan kepada huruf-huruf Mad Asli sahaja. Kaedah ini tidak sesuai digunakan dalam bentuk rangkai kalimah ataupun ayat. Hal ini kerana, kesan kepada ingatan dan kefahaman murid akan menjadi lambat dan kurang berkesan. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan Hajjiah Hassan (2008) dalam Juliza Rosli (2010), bahawa penggunaan warna dalam pengajaran dan pembelajaran dapat membantu murid-muridnya menguasai konsep ditumpukan.

Semasa fasa awal pelaksanaan kajian, saya hanya menggunakan dua kaedah sahaja iaitu pembelajaran melalui kad imbasan cetakan hitam keseluruhan serta aplikasi kapur dan papan hitam. Impak yang diperolehi daripada aplikasi kaedah tersebut adalah murid lambat menguasai hukum tajwid Mad Asli dan tahap ingatan mereka terhadap isi pembelajaran amat lemah.

Namun demikian, sepanjang pelaksanaan kajian ini saya telah menggunakan kad imbasan berwarna pada setiap huruf-huruf Mad Asli. Peserta kajian diberikan penjelasan, sebab setiap huruf tersebut diwarnakan. Secara berurutan, saya akan memastikan peserta kajian memahami secara perlahan-lahan konsep kaedah tersebut. Selepas itu mereka diberikan lembaran-lembaran kerja sebagai item mengukur kefahaman dan ingatan mereka terhadap pembelajaran hukum Mad Asli ini. Berikut jadual pelaksanaan tindakan kajian.

Jadual 2. Ringkasan pelaksanaan tindakan kajian

Fasa	Penjelasan	Tindakan
Sebelum Pengenalan Kaedah Warna	Dalam peringkat ini saya telah menggunakan kad imbasan Al-Quran dengan cetakan hitam keseluruhan. Cetakan sama seperti Al-Quran asal dan hukum Mad Asli tidak ditanda dengan sebarang warna. Kaedah ini digunakan dalam sesi pertama iaitu pada 28/6/2012.	<ul style="list-style-type: none"> • Pemerhatian • Soal Selidik • Lembaran kerja • Ujian Lisan Pra dan Pasca • Penulisan jurnal
Pengenalan Kaedah Warna pada huruf-huruf Mad Asli	Dalam sesi seterusnya, saya telah menggunakan kad imbasan berwarna pada setiap huruf-huruf Mad Asli dalam surah-surah bacaan seperti surah ad-Dhuha, al-Insyirah dan al-Lail. Guru akan memberikan penerangan apakah maksud bagi warna tersebut dan memerincikan tentang konsep hukum Mad Asli. Kaedah ini telah digunakan secara konsisten pada minggu kedua dan ketiga <i>Internship</i> .	<ul style="list-style-type: none"> • Lembaran kerja • Penulisan jurnal • Pemerhatian • Temu bual
Penggunaan kaedah warna pada huruf Mad Asli dihentikan	Dalam fasa terakhir ini, saya telah menghentikan penggunaan kad imbasan berwarna pada setiap huruf-huruf Mad Asli. Hal ini bertujuan untuk mengukur perkembangan dan kefahaman peserta kajian. Pencapaian mereka direkodkan. Sesi terakhir ini dijalankan pada 19/7/2012.	<ul style="list-style-type: none"> • Lembaran kerja • Penulisan jurnal • Ujian Lisan Pra dan Pasca • Pemerhatian

METODOLOGI

Peserta Kajian

Peserta kajian (PK) A merupakan seorang murid lelaki yang sangat gemar bercakap di dalam kelas. Murid ini juga terlalu aktif dalam sesi P&P dan suaranya agak kuat. Dari segi bacaan Al-Quran, ia boleh membaca namun tidak menyebut makhraj huruf dengan betul dan mengabaikan hukum tajwid. PK B Merupakan seorang murid perempuan yang agak pasif namun suka menjawab soalan yang diberikan. Peserta kajian ini mempunyai suara yang perlahan dan kurang lancar membaca Al-Quran. Namun murid ini masih boleh dibimbing. PK C merupakan seorang murid perempuan yang agak aktif dan suka membuat kerjanya sendiri.

Merupakan seorang pengawas dan olahragawati sekolah. Murid ini agak lemah dalam bacaan Al-Quran, namun ia berkeyakinan tinggi untuk mencuba. Manakala PK D merupakan seorang murid lelaki yang pendiam dan mudah terikut-ikut dengan sikap rakannya yang lain. Murid ini suka bertanyakan soalan berkaitan pelajaran dan sentiasa menghantar latihan yang diberikan sebelum tamat sesi persekolahan walaupun banyak kesalahan. Dari segi penguasaan Al-Quran, murid ini agak sederhana dan masih perlukan bimbingan. PK E pula merupakan seorang murid lelaki dan merupakan pengawas sekolah. Murid ini mempunyai daya kepimpinan yang amat baik. Namun dia agak lambat memahami isi pelajaran. Dari segi penguasaan bacaan Al-Quran, murid ini agak lemah namun masih boleh dibimbing.

Etika Penyelidikan

Etika Penyelidikan Tindakan ini merujuk kepada kesesuaian tindakan saya sebagai penyelidik terhadap pihak-pihak berkaitan. Sebelum pelaksanaan PT, pihak IPG KBL telah memohon kebenaran daripada pihak pengurusan SK Gunung Sepapan secara formal untuk kebenaran menjalankan PT. Selain itu, saya juga menyediakan borang persetujuan kepada para peserta kajian untuk ditandatangani. Sebelum mereka menandatangani borang ini, saya telah menjelaskan tujuan, prosedur dan jaminan atas kajian yang dijalankan. Di samping itu, setiap data kajian juga tidak akan diubah suai untuk kepentingan diri atau pihak lain. Semua maklumat akan dirahsiakan bagi menjaga nilai integriti dan kredibiliti kajian.

Teknik Mengumpul Data

Temu bual

Saya menggunakan kaedah temu bual untuk mendapatkan pandangan, perasaan dan cadangan penambahbaikan atas kajian. Pihak yang terlibat adalah para peserta kajian, guru pembimbing dan rakan praktikum. Temu bual akan dijalankan secara bersemuka dengan menggunakan beberapa siri soalan terbuka. Sesi temu bual akan dirakamkan secara video dan dicatatkan secara bertulis dalam borang yang disediakan.

Analisis Dokumen

Instrumen analisis dokumen yang saya gunakan ialah lembaran kerja, penulisan jurnal dan ujian lisan pra dan pasca. Para peserta kajian diberikan lembaran kerja secara konsisten pada setiap akhir sesi kajian. Bilangan jawapan yang betul, jumlah markah dan kesilapan mereka akan dicatatkan bagi melihat perkembangan peserta kajian. Jurnal mingguan juga dijadikan rujukan utama perkembangan pencapaian peserta kajian di samping mengukur sejauh mana keberkesanan kaedah warna kepada amalan pengajaran saya. Ujian lisan pra dan pasca pula menumpukan kepada perkembangan kemahiran membaca peserta kajian. Ujian pra dilaksanakan sebelum kaedah diperkenalkan manakala ujian pasca adalah instrumen mengukur kefahaman akhir peserta kajian. Jumlah bacaan Mad Asli yang betul akan dihitung dan dibuat perbandingan.

Soal Selidik

Instrumen ini digunakan bagi menilai sejauh mana peserta kajian mengalami perubahan penguasaan hukum Mad Asli sebelum dan selepas pelaksanaan kaedah warna ini. Bentuk soalan adalah tertutup dan disusun secara sistematik. Menurut Chow (2004), soalan-soalan perlu spesifik dan disusun sistematik mengikut satu aliran pemikiran tertentu.

Pemerhatian

Saya menggunakan borang pemerhatian khas untuk melihat perkembangan serta corak tingkah laku peserta kajian dalam pelaksanaan kaedah kajian ini. Pemerhatian dilakukan oleh rakan pengkaji bagi mengelakkan unsur bias dalam membuat analisis data kajian. Rakaman video juga digunakan untuk merakam sesi kajian yang dijalankan bagi memastikan ada korelasi maklumat dalam borang pemerhatian. Kaedah ini dilakukan secara konsisten bagi membolehkan persoalan kajian dapat dijawab.

Teknik Menganalisis Data

Analisis Data Temu Bual

Temu bual direkodkan melalui satu borang khas. Segala maklumat yang diperolehi dirakamkan bagi memastikan kesahihan dan tujuan semakan semula. Rakaman temu bual akan didengar semula sebanyak 3 kali dan data akan disediakan dalam bentuk transkrip bertaip. Apabila transkrip disiapkan, saya akan mengenal pasti tema dan seterusnya menganalisis kandungan temu bual dalam tema-tema tersebut. Temu bual dijalankan bersama guru pembimbing, rakan praktikum dan peserta kajian.

Analisis Dokumen

Lembaran kerja diberikan kepada peserta kajian secara konsisten di akhir sesi. Bentuk soalan pelbagai dan mengikut aras kesukaran pada setiap sesi. Tujuannya adalah untuk mengalakkan peserta kajian menjawab berdasarkan hafalan semata-mata. Fokus lembaran kerja adalah surah ad-Dhuha, al-Insyirah dan al-Lail. Saya akan membuat semakan atas jawapan mereka. Bilangan jawapan yang betul akan dibahagikan dengan jumlah keseluruhan soalan. Semua markah akan direkodkan untuk melihat perkembangan peserta kajian. Di samping itu, saya juga mendapatkan data melalui ujian lisan pra dan pasca. Peserta kajian akan dipanggil seorang demi seorang untuk membaca teks surah di hadapan saya. Semasa mereka membaca, satu senarai semak yang mengandungi senarai kalimah yang mengandungi hukum Mad Asli akan digunakan. Saya akan membuat catatan bilangan bacaan yang tepat sahaja dan akan membuat perbandingan antara markah ujian pra dan pasca. Di samping itu, rakaman atas bacaan peserta kajian juga dilakukan untuk tujuan semakan data yang diperolehi. Jurnal mingguan yang dihasilkan setiap minggu juga akan dianalisis bagi melihat kesan kepada amalan guru, perubahan tingkah laku dan pencapaian peserta kajian. Teks jurnal akan dibaca sebanyak tiga kali bagi memastikan dapatan mempunyai korelasi.

Analisis Soal Selidik

Borang soal selidik diberikan kepada peserta kajian sebanyak dua kali, iaitu sebelum dan selepas kajian dijalankan. Langkah ini bertujuan untuk melihat perkembangan mereka terhadap kefahaman hukum Mad Asli. Hasil dapatan akan dibuat perbandingan dalam bentuk graf.

Analisis Pemerhatian

Satu senarai semak akan disediakan semasa pemerhatian dijalankan. Hasil dapatan dianalisis dengan kaedah analisis kandungan. Hasil pemerhatian sebelum dan selepas kajian akan dibandingkan untuk melihat corak perubahan tingkah laku murid.

Teknik Menyemak Data

Triangulasi Kaedah

Saya telah menggunakan penulisan jurnal mingguan sebagai sokongan atau *testimonial* bagi penyelidikan tindakan saya tentang kesan dan minat peserta kajian dalam kajian ini. Di samping itu, saya juga telah mengambil gambar dan rakaman video bagi menunjukkan proses pelaksanaan penyelidikan tindakan yang dijalankan. Gambar-gambar serta rakaman video yang diambil secara langsung memberi gambaran yang nyata tentang apa yang berlaku sepanjang penyelidikan dijalankan. Saya turut menggunakan hasil pemerhatian rakan penyelidik dan hasil temu bual bersama salah seorang peserta kajian untuk mengukuhkan kebolehpercayaan data yang diperolehi.

Triangulasi Sumber

Saya juga telah membuat semakan ke atas sumber-sumber lain seperti lembaran kerja dan buku latihan peserta kajian sambil dibantu oleh rakan penyelidik dan guru pembimbing bagi mengenal pasti tahap penguasaan peserta-peserta kajian dalam asas kemahiran hukum Mad Asli ini. Tujuan semakan semula dilakukan oleh rakan praktikum dan guru pembimbing adalah untuk memastikan saya tidak melakukan kesilapan dan bersifat bias semasa menjalankan kerja-kerja penyemakan.

REFLEKSI

Refleksi Dapatan

Adakah penggunaan warna pada huruf-huruf Mad Asli dalam sesi P&P bidang Asuhan Tilawah Al-Quran berkesan dalam mengubah amalan pengajaran pengkaji?

Penggunaan warna pada huruf-huruf Mad Asli dalam bidang Asuhan Tilawah Al-Quran ternyata berkesan dan menambah baik amalan pengajaran saya. Dapatan kajian yang digunakan dalam mengukur keberkesanan ini adalah melalui analisis dokumen (jurnal mingguan guru pelatih), rekod transkrip temu bual bersama guru pembimbing serta peserta kajian. Di samping itu, analisis data pemerhatian rakan praktikum juga digunakan untuk memperkukuhkan keberkesanan ini. Sepanjang menjalani *Internship*, saya telah membuat jurnal mingguan bagi mencatatkan perkembangan peserta kajian dalam penyelidikan yang dijalankan. Penulisan ini memperincikan secara jelas menyatakan kronologi pelaksanaan kajian tindakan serta keberkesanan kaedah yang digunakan.

Perkembangan Isu/Kaedah :

Dalam fasa ini, saya telah memberikan pendedahan hukum ini melalui **pembelajaran konvensional, iaitu penggunaan papan hitam dan kapur**. Selepas itu, saya telah memberikan latihan awal kepada mereka untuk mengeluarkan potongan kalimah yang **mengandungi hukum Mad Asli** dalam surah Ad-Dhuha. Dapatan kajian menunjukkan terdapat **lima orang murid gagal mencapai sekurang-kurangnya 9/18 jawapan tepat**.

Rajah 2. Catatan jurnal mingguan pertama (28 Jun 2012)

Perkembangan Isu/Kaedah :

Pada minggu ini saya telah meneruskan kepada **penggunaan inovasi kad imbasan surah Ad-Dhuhab** kepada peserta kajian. Sebelum sesi berlangsung, saya memberikan penerangan semula kepada murid berkaitan dengan kaedah ini. Apabila **sampai sahaja pada perkataan yang mengandungi hukum ini, saya tanyakan kepada murid, "Hukum apa tu?"** atau **"Berapa harakat nak baca tu?"**. Peserta kajian menjawab, **"Hukum Mad Asli. Baris atas jumpa Alif."**(PK 2). Ada juga peserta kajian yang menjawab, **"Hukum 2 Harakat."** (PK1). Saya mengandaikan respon yang diberikan ini menunjukkan mereka faham kepada konsep pembelajaran. Berdasarkan kepada keputusan latihan kali ini, diperhatikan semua peserta kajian menunjukkan peningkatan berbanding markah latihan lepas (12 Julai 2012) . Peserta kajian pertama memperolehi peningkatan sebanyak 10 markah (7M-17M), PK2 (8M-13M), PK3 (10M-13M), PK4 (10M-13M) dan PK5 (6M-15M).

Rajah 3. Catatan jurnal mingguan terakhir (19 Julai 2012)

Di samping itu, saya juga menggunakan hasil dapatan temu bual berkaitan dengan penambahbaikan dalam amalan pengajaran saya. Hasil temu bual bersama guru pembimbing dan salah seorang peserta kajian telah menunjukkan perkembangan positif dan ulasan baik dalam penggunaan kaedah warna yang digunakan. Temu bual ini telah dijalankan pada sesi kajian terakhir, 19 Julai 2012.

Saya : Apakah pendapat cikgu dengan kaedah penggunaan warna pada huruf-huruf Mad yang telah saya jalankan? (Soalan 4)

Ustaz Zakir : Alhamdulillah, satu kaedah yang baik dan perlu diteruskan. Murid sebenarnya suka kepada sesuatu yang baharu dan menarik perhatian mereka. Kad imbasan bewarna yang digunakan mampu menarik perhatian murid. Kadang-kadang kalau selalu guna kaedah lama....papan hitam, buku teks...memang tak berkesan...murid akan bosan.

Saya : Apakah cadangan penambahbaikan yang boleh cikgu cadangkan untuk kajian ini? (Soalan 6)

Ustaz Zakir : Saya lihat murid dah suka dengan kaedah ni...cuma jangan hanya terhad kepada satu-satu surah....boleh perembangkan untuk surah-surah lain.

(Transkrip temu bual Ustaz Zakir, 19 Julai 2012)

Rajah 4. Sedutan transkrip temu bual bersama guru pembimbing

Saya : Adakah cara ustaz mengajar dengan menggunakan papan hitam dan kad imbasan membantu anda mengingati apa itu hukum Mad Asli? (Soalan 3)

lqbal : Lagi best mun ustaz guna kad-kad warna ya. Senang gik kamek baca....ingat gik...Tapi mun ustaz guna papan hitam ja bosan mek.

Saya : Apabila ustaz menggunakan warna dalam huruf-huruf Mad Asli ini, adakah anda mudah ingat? (Soalan 4)

lqbal : Warna merah-merah ya kah ustaz? Oklah sikit...kamek dapat dah sikit-sikit. Mad Asli ada tiga huruf...alif...ya...wau.

Saya : Adakah kamu suka sepanjang ustaz mengajar kamu menggunakan kaedah warna ini? (Soalan 5)

lqbal : Nang best...cepat mek faham.

(Transkrip temu bual bersama Peserta Kajian A, 19 Julai 2012)

Rajah 5. Sedutan transkrip temu bual bersama Peserta Kajian A


Rakan praktikum juga telah membantu menilai amalan pengajaran yang telah saya jalankan. Melalui instrumen pemerhatian, rakan praktikum telah membuat perbandingan perubahan serta sejauh mana peserta kajian faham intipati kaedah ini. Sesi pemerhatian telah dijalankan pada 28 Jun 2012 dan 19 Julai 2012.

Jadual 3. Hasil perbandingan pemerhatian rakan praktikum terhadap keberkesanan penggunaan warna pada hukum Mad Asli dalam surah-surah bacaan Al-Quran

Bil	Perkara	Sebelum (28 Jun)	Selepas (19 Julai)
1	Murid dapat menyatakan maksud hukum tajwid Mad Asli dengan betul.	X	/
2	Murid dapat menyatakan huruf-huruf Mad Asli.	X	/
3	Murid-murid dapat mengeluarkan kalimah yang mengandungi hukum Mad Asli dengan betul.	X	/
4	Murid dapat membaca kalimah yang mengandungi Hukum Mad Asli dengan tepat.	X	/
5	Murid menunjukkan minat dan lebih tumpuan kaedah warna digunakan dalam pengajaran hukum Mad Asli.	X	/
6	Guru perlu beri bimbingan hukum tajwid Mad Asli dalam pengajaran surah-surah Bacaan Al-Quran.	/	X

Adakah penggunaan warna pada huruf-huruf Mad dapat membantu murid membaca kalimah yang mengandungi hukum Mad Asli dengan bacaan yang tepat?

Berdasarkan kepada ujian lisan yang dijalankan, saya dapat membuat rumusan bahawa wujud perbezaan pencapaian penguasaan murid dalam membaca kalimah yang mengandungi hukum Mad dengan tepat. Analisis perbandingan ini melibatkan ujian lisan yang dilakukan dalam dua surah, iaitu surah ad-Dhuha ayat 1-11 dan surah al-Lail ayat 1-10. Ujian pra dijalankan sebelum kaedah warna diperkenalkan dan pasca adalah hasil pengenalan kaedah.



Rajah 6. Perbandingan markah ujian lisan pra dan pasca surah ad-Dhuha dan al-Lail

Sejauh manakah penggunaan warna pada huruf-huruf Mad ini dapat membantu murid mengenal pasti hukum Mad Asli dalam pembelajaran Al-Quran?

Saya telah menjalankan sebanyak 4 lembaran kerja bagi melihat perkembangan prestasi peserta kajian berdasarkan penggunaan kaedah warna pada huruf-huruf Mad Asli. Melalui 4 fasa latihan tersebut menunjukkan peningkatan yang ketara. Dalam pelaksanaan latihan 1 (28 Jun 2012), kaedah pengajaran hukum Mad Asli bersifat konvensional iaitu menggunakan kad imbasan surah cetakan hitam keseluruhan. Manakala dalam pelaksanaan latihan 2 (5 Julai 2012) dan latihan 3 (12 Julai 2012) adalah fasa saya menggunakan kaedah warna sebagai panduan pengajaran. Dalam fasa terakhir (19 Julai 2012), saya tidak mengulang berkaitan kaedah warna dan lebih cenderung menguji kefahaman dan ingatan peserta kajian.

Jadual 4. Perbandingan markah lembaran-lembaran kerja peserta kajian

Peserta Kajian	Latihan 1 (28/6/2012)	Latihan 2 (5/7/2012)	Latihan 3 (12/7/2012)	Latihan 4 (19/7/2012)
A	39%	72%	83%	92%
B	44%	50%	72%	82%
C	56%	72%	72%	82%
D	56%	56%	80%	87%
E	33%	50%	72%	80%

Data ini juga disokong dengan analisis soal selidik yang telah dijalankan.



Rajah 7. Perbandingan respon 'YA' peserta kajian dalam perkembangan kemahiran mengenal pasti hukum Mad Asli

Berdasarkan rajah 7 di atas, menunjukkan empat item soalan dalam borang respon soal selidik yang telah dijalankan terhadap peserta kajian. Kaedah ini telah dijalankan pada sesi pertama (28 Jun 2012) dan sesi terakhir kajian pada 19 Julai 2012. Saya akan memerincikan jawapan "Ya" sahaja untuk membuktikan kebolehan murid mengenal pasti hukum tajwid Mad Asli. Bagi item soalan 6, "Saya tahu apa itu hukum Mad Asli", dalam fasa pertama hanya 4 orang peserta kajian sahaja menjawab ya, namun meningkat kepada 5 orang dalam fasa terakhir. Bagi item soalan 7, "Saya tahu huruf-huruf Mad Asli", dalam fasa pertama 4 orang peserta kajian menjawab ya, namun turut meningkat kepada 5 orang dalam fasa yang terakhir.

Bagi item soalan 8, "Saya tahu berapa harakat bacaan hukum Mad Asli", hanya seorang sahaja yang bersetuju manakala selebihnya tidak. Namun jumlah ini meningkat 100% dalam perjumpaan terakhir. Bagi item soalan 9, "Saya boleh memberikan contoh hukum Mad Asli", hanya seorang sahaja yang bersetuju namun jumlah ini menokok dengan konsisten dalam fasa terakhir kepada 5 orang.

Hasil dapatan yang diperolehi ini adalah berpadanan dengan hasil kajian Juliza (2008) yang menyatakan bahawa penggunaan warna membantu murid-muridnya memahami konsep tanda Fathah, Kasrah dan Dhammah. Warna menjadi elemen dominan dalam merangsang murid memahami konsep hukum Mad Asli yang saya jalankan di samping berjaya diaplikasi dalam bacaan.

Refleksi Penilaian Tindakan

Apabila kaedah kad imbasan Al-Quran dan penggunaan warna pada huruf-huruf Mad Asli ini digunakan, masa dapat dijitamkan dan peserta kajian lebih tertarik untuk belajar. Saya merumuskan bahawa guru perlu lebih berinovasi dalam setiap kaedah pengajarannya. Langkah ini penting bagi memastikan tingkah laku murid dapat dipositifkan dan perkembangan pembelajaran murid dapat dioptimumkan. Ketika menjalankan kajian tindakan ini, banyak perkara yang perlu dititikberatkan, antaranya menyediakan bahan bantu mengajar (kad imbasan berwarna pada setiap huruf Mad Asli), lembaran kerja, borang-borang kajian yang diperlukan serta memikirkan aktiviti-aktiviti susulan lain. Namun, saya bersyukur kerana melalui kajian yang dijalankan, saya berjaya dan melaksanakan apa yang telah dirancang.

Peserta kajian telah menunjukkan minat untuk mempelajari ilmu Al-Quran dan mendalami hukum tajwid yang saya fokuskan. Pada peringkat awal, peserta kurang berminat untuk memberikan perhatian kepada sesi pembelajaran yang dijalankan. Namun keadaan ini berubah apabila kaedah warna diperkenalkan pada minggu kedua pelaksanaan. Semua peserta kajian duduk diam di tempat masing-masing dan memberikan perhatian sepenuhnya terhadap kad imbasan yang saya berikan. Mereka juga kerap menimbulkan persoalan seperti, "ustaz, kenapa huruf alif ni ada warna?" atau "ustaz, kenapa ada merah-merah dekat kad ni ustaz?". Persoalan-persoalan inilah menjadi ukuran bahawa peserta kajian mula berminat dengan pembelajaran Al-Quran. Dari segi bacaan, pada peringkat awal mereka mendengar penerangan konsep warna pada setiap huruf-huruf Mad Asli. Kemudian mereka mula mempraktikkan dalam bacaan. Saya dapati perhatian mereka tidak terjejas dan bacaan mereka dapat diperkemas. Hal ini dapat dibuktikan lagi melalui analisis data temu bual dan soal selidik yang telah dilakukan sepanjang kajian dijalankan.

Kajian ini juga meningkatkan penguasaan mereka dalam pelajaran hukum Mad Asli sama ada secara bacaan mahupun kemahiran mengenal pasti. Dapatan yang diperolehi melalui lembaran-lembaran kerja yang telah diberikan guru di samping rekod temu bual bersama peserta kajian menunjukkan mereka menguasai pembelajaran hukum Mad Asli dengan cukup baik. Para peserta kajian juga berupaya menerangkan semula intipati hukum ini dengan baik kepada rakan-rakan lain dalam kelas pembelajaran biasa. Secara tidak langsung, menunjukkan mereka telah menguasai hukum ini dari segi teori dan bacaan dengan cukup baik melalui kaedah warna yang telah saya perkenalkan.

Refleksi Pembelajaran Kendiri

Elliot (1991) dalam Mok (2010), guru sebagai penyelidik akan melibatkan diri dan menghasilkan teori dan kefahaman baharu berkaitan dengan permasalahan yang dihadapi. Kepelbagaian aktiviti dalam sesi P&P juga amat penting untuk memperkembangkan kebolehan dan potensi murid. Di samping itu, saya dapat membina satu suasana pembelajaran yang kondusif dan dapat membantu memperkembangkan potensi kognitif dan sosio emosi murid melalui aktiviti permainan dan perbincangan yang dijalankan. Sudah pasti tugas seorang guru bukan sekadar mendidik, bahkan meliputi tugas-tugas lain seperti pembentuk nilai, fasilitator dan pemberi motivasi.

Pelaksanaan penyelidikan tindakan ini juga telah membantu saya mengamalkan pelbagai kemahiran dalam P&P dengan cukup baik. Antaranya kemahiran merancang, berfikir, melaksana, komunikasi, menilai, mengajar dan paling penting sekali kemahiran aplikasi teknologi maklumat dan komunikasi (TMK). Secara tidak langsung, saya dapat mengaplikasikan kemahiran-kemahiran ini dalam dunia pendidikan yang sebenar.

Di samping itu, sebagai seorang guru Pendidikan Islam dan Al-Quran juga saya perlu mempelbagaikan kaedah pengajaran saya. Tujuannya adalah untuk memastikan persepsi murid bahawa pembelajaran bidang ini membosankan dapat dikikis. Saya perlu lebih berinovasi dan membina bahan bantu mengajar yang variasi bagi merangsang minat dan perhatian murid. Buktinya, apabila saya cuba menggunakan kaedah warna pada huruf-huruf Mad Asli ini, tahap pencapaian murid dapat dimaksimumkan dan tingkah laku murid dapat dipositifkan berdasarkan hasil dapatan kajian yang dilakukan.

Saya turut mendapat pendedahan berkaitan dengan etika dalam menjalankan penyelidikan. Dalam menghasilkan kajian tindakan ini, saya perlu memastikan semua maklumat yang diperolehi tidak disebarkan tanpa mendapat keizinan daripada pihak-pihak berkenaan. Integriti peserta dan data perlu dipelihara di samping tidak membuat pindaan atas mana-mana maklumat dalam kandungan kajian. Pelaksanaan penyelidikan tindakan ini amat bermanfaat dalam membantu meningkatkan amalan sendiri saya terutamanya dalam keberkesanan pengajaran Al-Quranseterusnya menjana pendidikan yang berkualiti. Melalui kajian ini juga, saya dapat memperkembangkan kemahiran dan penguasaan murid di samping membolehkan saya merancang tindakan susulan kitaran seterusnya.

Cadangan tindakan untuk kitaran seterusnya

Berdasarkan kejayaan yang memuaskan daripada kaedah yang telah saya laksanakan, saya berhasrat untuk melanjutkan kajian ini ke kitaran yang seterusnya sekiranya saya ditempatkan di mana-mana sekolah kelak. Sudah pasti penggunaan kaedah warna dalam pembelajaran hukum Mad Asli dalam surah-surah bacaan Al-Quran ini juga akan saya teruskan. Namun saya ingin memperkembangkan penggunaan kaedah ini melalui hukum tajwid lain seperti hukum Idgham Maal Ghunnah, Idgham Billah Ghunnah dan banyak lagi.

Saya ingin membantu murid-murid yang bermasalah untuk memahami konsep hukum tajwid ini dengan cara yang lebih mudah dan menyeronokkan. Galakan dan motivasi daripada guru adalah amat penting bagi memastikan murid-murid dapat

memupuk rasa cinta kepada budaya mempelajari ilmu Al-Quran. Selain itu, saya juga berhasrat untuk menggabungkan elemen teknologi dan konvensional dalam meneruskan kaedah kajian saya ini. Mungkin saya perlu mencuba aplikasi penggunaan warna pada huruf-huruf Mad hanya dengan menggunakan aplikasi *Power Point*. Hasil yang diperolehi akan dibuat perbandingan keberkesanan dengan kaedah kad imbasan berwarna pada huruf-huruf Mad Asli.

RUJUKAN

- Bahagian Pendidikan Islam. (2005). *Buku Panduan Pelaksanaan Model-Model Pengajaran, Pembelajaran dan Kurikulum Tahun 5 j-QAF*. Kuala Lumpur : Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Chow Fook Meng. (2004). *Kajian Tindakan : Konsep & Amalan dalam Pengajaran*. Puchong : Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Hajjiah Hasan. (2008). Kaedah Mesra Warna dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Lima. *Kajian Tindakan Sempena Hari Profesionalisme SMK Majakir Papar*.
- Juliza Rosli. (2007). Mengurangkan Kesalahan Murid Tahun Dua Membaca Tanda Fathah, Kasrah dan Dhammah dengan Menggunakan Kaedah Mesra Warna. *Prosiding Penyelidikan Tindakan 2010 PISMP Ambilan Januari 2007*. Pp. 71-78
- Mok Soon Sang. (2010). *Siri Pengajian Profesional Penyelidikan Tindakan dalam Pendidikan – Perancangan dan Pelaksanaan PT*. Puchong : Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Zulina Ahmad Zawawi & Ramlah Mohd Dom. (2012, Julai). *Elemen Warna, Ruang dan Irama Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam dalam kalangan Guru Pelatih Semester 5 IPG Kampus Pendidikan Islam*. Paper presented at the Persidangan Pendidikan Islam Kebangsaan 2012, Negeri Sembilan.